



Pulau Renggis antara lokasi tumpuan penyelam skuba jika berkunjung ke Pulau Tioman.

Tukun 15 tahun bakal diganti

PULAU TIOMAN - Sebuah bot nelayan kelas A bakal ditenggelamkan berhampiran Pulau Renggis yang akan berfungsi sebagai tukun tiruan.

Inisiatif itu diambil NGO Reef Check Malaysia (RCM) dengan kerjasama Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) Pahang dan Jabatan Laut Malaysia serta sekumpulan usahawan yang bertindak sebagai penaja.

Koordinator RCM di Pulau Tioman, Alvin Chelliah berkata, di lokasi sama telah ada sebuah bot nelayan pernah ditenggelamkan kira-

kira 15 tahun lalu tetapi sudah mereput.

"Kita merancang untuk menenggelamkan bot nelayan ini dengan jarak sekitar 16 hingga 18 meter dari Pulau Renggis sekali gus menggantikan tukun bot yang sudah berusia 15 tahun.

"Tukun ini akan fungsi dalam dua aspek iaitu sebagai tukun tiruan untuk menarik ikan-ikan.

"Satu lagi fungsinya adalah bagi menjadi lokasi tumpuan peminat aktiviti selam skuba," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, se-

malam.

Alvin berkata, kumpulan usahawan yang menaja itu juga akan turut serta pada 5 dan 6 April depan ketika bot itu ditenggelamkan.

"Bot telah dibersihkan dan kita akan tunda ke lokasi sebelum ditenggelamkan secara perlahan-lahan manakala pada keesokan harinya pemantauan akan dilakukan bagi memastikan ia dalam keadaan stabil di dasar laut," katanya.



Sila layari
sinarharian
.com.my